

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang 1987/88

ZSE 464/3 - Ilmu Geofizik Usahacari II

Tarikh: 21 Jun 1988

Masa: 9.00 pg. - 12.00 tgh.  
(3 jam)

Jawab KESEMUA EMPAT soalan.

Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Bincangkan pembetulan data dalam kaedah graviti.  
(50/100)
  - (b) Atur dan terangkan peringkat yang digunakan untuk mentafsir profil graviti rantau (regional gravity profile) dan sebagai permulaan anomali Bouguer diberikan.  
(50/100)
- 
2. (a) Huraikan bagaimana anda akan melaksanakan suatu tinjauan darat keamatan magnetik seluruh di kawasan usahacari mineral. Selepas data diperolehi terangkan tentang pembetulan dan pentafsiran data tersebut.  
(65/100)
  - (b) Peta kawasan yang ditunjukkan di Rajah 1 terletak di Kanada dan utara magnetik (magnetic north) adalah ke atas.  
  
H: kawasan magnetik yang tinggi  
L: kawasan magnetik yang rendah  
  
Buat pentafsiran secara kualitatif dengan mengecamkan kawasan berikut dan tandakan peta tersebut (peta ini hendaklah dikembalikan dengan kertas jawapan anda):-  
  
M - Kawasan-kawasan 'mafic volcanics'  
D - Daik mafik (mafic dykes) atau kawasan dengan kumpulan daik (dykes swarm)  
S - Kawasan batupasir yang dalam (iaitu dasar magnetik yang dalam)  
G - Batuan granit yang menonjol (granitic intrusion)  
CF - Sesaran atau sentuhan batuan yang lebar (major rock units)  
(35/100)

- 2 -

3. (a) Bezakan di antara kerintangan ketara dan kerintangan sebenar di dalam kaedah-kaedah elektrik. Lakarkan empat perbezaan susunatur-susunatur elektrod dan bincangkan kebaikan dan keburukannya.  
(50/100)
- (b) Terangkan dengan gambarajah-gambarajah prinsip-prinsip kesetaraan dan penindasan.  
(20/100)
- (c) Dari syarat tercapah  $\nabla \cdot \vec{J}$ , dengan  $\vec{J}$  adalah vektor ketumpatan arus, turunkan satu ungkapan bagi keupayaan (potential) di suatu jarak  $r$  dari suatu sumber titik.  
(30/100)
4. Tuliskan nota-nota ringkas mengenai perkara-perkara berikut:-
- (a) ketaksaan (ambiguity) dalam pentafsiran kaedah graviti.  
(25/100)
- (b) Pemagnetan baki dan pemagnetan teraruh.  
(25/100)
- (c) Anomali graviti sisa (residual) dan anomali graviti kawasan.  
(25/100)
- (d) Hubungan-hubungan amplitud dan fasa di antara medan-medan primer dan sekunder dalam kaedah EM.  
(25/100)

-ooooO0ooo-

Angka Giliran:



Rajah 1

